

Kod Sekolah : WEA0247
Rujukan Kami : SMSASKL/400-1/3/4 (02)
Tarikh : 22 Disember 2015

Semua Ibumbapa / Penjaga
Pelajar ASiS Tingkatan 5 2016

Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Pendaftaran Asrama Pelajar Tingkatan 5 Tahun 2016

Perkara di atas adalah dirujuk dengan segala hormatnya.

2. Sukacita dimaklumkan kepada Yg. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, sesi persekolahan untuk tahun 2016 akan bermula pada **04 JANUARI 2016**. Sehubungan itu, anak Yg. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta hadir melaporkan diri untuk **Pendaftaran Asrama** mengikut butiran yang dinyatakan di bawah :

Tarikh : 03 JANUARI 2016 (Ahad)
Tempat : Dewan Putra Lestari SM Sains Alam Shah
Masa : 9.00 pagi – 1.00 petang

3. Dimaklumkan bahawa Bayaran Tambahan Sekolah (Asrama), Sumbangan Majalah (SUWA) dan Bayaran Sumbangan Koperasi akan dikutip pada tarikh, masa dan tempat yang sama seperti dinyatakan di atas. Bersama-sama dengan surat ini dilampirkan senarai barangan keperluan serta harga untuk makluman Yg. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

4. Yg. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh melayari <http://asiskl.org> untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Pendaftaran Asrama, Bayaran Tambahan Sekolah (Asrama), Sumbangan Majalah (SUWA), Senarai Barang Keperluan Koperasi dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

NORAZHAR BIN MOHD SHAH
Penolong Kanan Pentadbiran
b/p: Pengetua
Sekolah Menengah Sains Alam Shah
Kuala Lumpur